

## PELAKSANAAN PENGAJARAN IQRA' DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN MIDAH 2, CHERAS, KUALA LUMPUR : SATU KAJIAN KES

*Zahiah binti Haris @ Harith\* (PhD)*

*Nurul Huda binti Mohd. Bisri*

*Firdaus binti Abdul Fatah*

*Muaaz bin Muhammad*

*Jainudin bin Ngah*

*Mohd. Asri bin Abdul Rahman*

### **Abstrak**

*Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran Iqra' di Sekolah Kebangsaan Taman Midah 2, Cheras, Kuala Lumpur. Di samping itu, kajian ini juga untuk melihat Pedagogi Inklusif dalam pelaksanaan pengajaran Iqra' di sekolah tersebut. Oleh itu, penyelidik menetapkan tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti persediaan guru, strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar dalam pelaksanaan pengajaran Iqra' di Sekolah Kebangsaan Taman Midah 2, Cheras, Kuala Lumpur. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Pengumpulan data kajian ini dengan menemu bual enam orang guru Pendidikan Islam yang mengajar Iqra' di sekolah tersebut, pemerhatian pelaksanaan pengajaran Iqra' oleh guru yang ditemu bual dan analisis dokumen yang berkaitan. Bagi menjalankan sesi temu bual, penyelidik menyediakan soalan temu bual separa berstruktur, borang senarai semak pemerhatian pengajaran dan borang senarai semak analisis dokumen. Kajian rintis juga telah dijalankan dengan menemu bual salah seorang guru yang mengajar Iqra' di sekolah yang dikaji untuk mendapatkan maklumat awal dan mengesahkan kajian sebenar yang akan dijalankan.*

**Kata kunci:** pengajaran Iqra', pedagogi inklusif, Pendidikan Islam dan Pendidikan al-Quran

### **Abstract**

*This study seeks to evaluate the implementation of Inclusive Pedagogy in the teaching of Iqra' at the school. It was conducted at Sekolah Kebangsaan Taman Midah 2, Cheras, Kuala Lumpur. The objectives for this study are; to identify teacher preparation, teaching strategies and teaching aids used in the teaching of Iqra' . This study employs a qualitative research design using the case study method. Data was collected through interviews with six Islamic Education teachers who teach Iqra' in school, observation of the teachers who were interviewed teaching Iqra' and analysis of relevant documents. A semi-structured interview was conducted and an observation using a checklist was carried out. A pilot study was conducted by interviewing one of the teachers who teaches Iqra' in the school to obtain preliminary information for the research.*

**Key words:** teaching Iqra', Inclusive Pedagogy, Islamic Studies and Quranic Education

\*Email: zahiaharis@gmail.com